

**ETNOSENTRISME: KEPENGARANGAN DALAM SYAIR PERANG  
MELAYU NUSANTARA**  
***ETHNOCENTRIC: THE AUTHORSHIP IN THE SYAIR OF PERANG  
MELAYU NUSANTARA***

*Zubir Idris\**

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (Bayu),  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

\*zidris@ukm.edu.my

**ABSTRAK**

Kepengarangan dalam syair-syair perang sesungguhnya memperlihatkan satu usaha bagaimana pengarangnya dengan cara yang kreatif mengembalikan wibawa masyarakat yang diwakilinya, sebagai tindakbalas terhadap konflik yang tercetus akibat kedatangan pihak penjajah. Artikel ini bertujuan memperkatakan tentang kepengarangan dalam beberapa syair perang pilihan seperti Syair Perang Mengkasar, Syair Peperangan Aceh dan Syair Perang Menteng. Artikel ini memanfaatkan model oleh William Graham Sumner yang mentakrifkan etnosentrisme sebagai kecenderungan menilai kebudayaan sendiri lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain sebagai kerangka penulisan. Analisis intrinsik berdasarkan aspek kekuatan kebahasaan turut diteliti untuk meneliti bagaimana ia diajukan oleh pengarang bagi mengangkat etnosentrisme etnik Melayu Nusantara. Dapatan dalam artikel ini adalah, pengarang syair perang cenderung mengangkat etnosentris peribumi Melayu Nusantara (Makasar, Aceh dan Palembang) pada kedudukan yang tinggi dengan menggunakan kekuatan bahasa. Pemilihan diksi yang tepat selain

penggunaan metafora, perbandingan dan perlambangan dalam syair-syair ini menjelaskan kesediaan mempertahankan maruah, Persatuan Penulis Budiman Malaysia Budiman Writers Association of Malaysia taat setia kepada raja/pemerintah, cintakan tanah air, bersemangat patriotisme dan pegangan agama yang kukuh sebagai asas bagi pengarang Melayu dalam mengangkat etnosentris mereka pada kedudukan yang tinggi dalam karya mereka. Kata Kunci: kepengarangan, etnosentris, kekuatan bahasa, William Graham Sumner, maruah, cintakan tanah air, taat setia, patriotisme, pegangan agama

### **ABSTRACT**

*Authorship in the Malay war poems portray the creativity of its author in instilling the dignity of his community that he represents, as a response towards conflict due to colonialization. This article intends to explain authorship in selected war poems such as, Syair Perang Mengkasar, Syair Peperangan Aceh and Syair Perang Menteng. Thus it applies William Graham Summers' model that describes ethnocentrism as biasesness in placing a high value in one own culture as compared to others, as its framework of analysis. Intrinsic analysis on language is carried out to evaluate the author language usage in uplifting the Malay Nusantara ethnocentric. The findings in this article are, through the power of language the authors of the war poems tends to uplift the ethnocentrism of the Malays of the Nusantara (Makasar, Aceh and Palembang). The choice of precise diction, metaphors, comparisons and symbology is best used to portray the readiness to defend dignity, patriotism, loyalty to the king / government and strong religious beliefs. These qualities are the basis for the Malay authors to raise their ethnocentric to a high position in their works. Keywords: authorship, ethnocentric, the power of language, William Graham Sumner, dignity, love for the motherland, loyalty, patriotism, religious faith*

## PENGENALAN

Pengarang mempunyai kepelbagaian aktiviti dalam mencorakkan kepengarangannya. Kepelbagaian ini terjadi lantaran pengarang mempunyai idiosinkrasinya yang tersendiri. Penghasilan karya-karya pensejarahan atau historiografi Melayu memperlihatkan tanggungjawab pengarang bukan sekadar menyampaikan isi hati atau luahan emosinya semata-mata, malah dalam pengertian yang lebih besar, memenuhi kehendak dan harapan pemerintah/penaung dan juga masyarakat massa yang diwakilinya. Sewajarnya, karya yang dihasilkan harus juga mengambilkira keadaan masyarakat di sekelilingnya dan sekaligus menyampaikan mesej kepada khalayak pembaca. Dalam konteks karya-karya historiografi, selain daripada membicarakan persoalan-persoalan ketamadunan, martabat serta liku-liku perjalanan sejarah sesebuah kerajaan, ternyata karya-karya tersebut turut menyentuh persoalan etnosentrisme, yang terserlah kepada kecenderungan pengarang untuk meletakkan etnik masing-masing sentiasa melebihi dan mengatasi etnik lainnya (atas pandangan kekelompokan yang menjadi pusat kepada segalagalanya). Hal inilah yang dapat dilihat dikesan dalam karya-karya historiografi, antaranya *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Peperangan Aceh*, *Syair Perang Menteng*.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan data-data yang diambil daripada *Syair Perang Mengkasar* (kisah peperangan yang berlaku antara Melayu Mengkasar dengan Belanda pada tahun 1660-1669), *Syair Peperangan Aceh* (peperangan antara Aceh dengan Belanda pada tahun 1873), dan *Syair Perang Menteng / Syair Perang Muntinghe* (peperangan antara Melayu Palembang dengan Belanda pada tahun 1812-1819), tulisan ini antara lain bertujuan meneliti pengolahan dan kecenderungan pengarang dalam mengangkat dan mencernakan elemen-elemen yang berkaitan dengan etnosentrisme.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Tulisan ini berdasarkan kepada analisis teks. Penelitian tertumpu kepada teks-teks syair perang pilihan seperti yang telah dinyatakan. Dengan menjadikan model etnosentrisme (William Graham Sumner, 1911) sebagai kerangka konseptual kajian, analisis terarah melihat kepengarangan pengarang syair perang mengangkat etnosentrisme yang dikesan melalui aspek bahasa, yang menjadi wahana kepada pengarang silam bagi menzahirkan segala perasaan dan emosi mereka berhubung dengan peristiwa peperangan dan pencerobohan seperti yang terakam dalam syair-syair perang.

Sehubungan itu, analisis berdasarkan aspek bahasa (penggunaan metafora, perlambangan, retorik serta pemilihan diksi) menerusi syair perang dilakukan bagi menjelaskan lagi kepengarangan pengarang syair perang dalam menggambarkan bentuk dan elemen etnosentrisme dalam etnik Melayu Nusantara.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Hasil kajian para sarjana (seperti C.Skinner 1963, Muhammad Yusoff Hashim 1980, Arenawati 1989, Donald J. Goudie 1989, G.L.Koster 1997, Jelani Harun 2003 dan lain-lain) terhadap karya-karya pensejarahan yang berbentuk syair perang secara umumnya memperkatakan bagaimana pertembungan antara dua peradaban (etnik peribumi dan kolonial penjajah) memperlihatkan berlakunya konflik budaya, pemikiran dan juga tamadun yang sangat berbeza, yang diakhiri dengan peristiwa peperangan di antara kedua-dua pihak. Peperangan dalam hal ini dilihat sebagai jalan terakhir respons kepada kedatangan kuasakuasa Barat atau pengaruh luar yang menggugat ini.

Pengertian istilah etnosentrisme yang mengajukan pandangan unggul yang berpusat kepada identiti sendiri berbanding identiti lain yang berada di luar lingkungan sesuatu masyarakatnya menjelaskan bagaimana dan mengapa lahirnya

sentimen rasa keterikatan yang kukuh, hubungan kesetiakawanan dan kesetiaan dalam suatu kumpulan, demi mempertahankan tradisi dan kepentingan kelompoknya itu. Sentimen bangga terhadap suku kaum inilah yang seterusnya memberi semacam 'satu kekuatan' kepada setiap etnik untuk mempertahankan hak-hak mereka khususnya daripada dicerobohi ancaman luar (kuasa asing). Dalam situasi seperti inilah, elemen-elemen yang terdapat dalam pengertian etnosentrisme dapat dilihat dengan lebih jelas dan nyata. Sesuatu yang menarik dan penting untuk diberi perhatian dalam hal yang bersangkutan dengan persoalan etnosentrisme ini ialah bagaimanakah ia diajukan oleh pengarang? Dan apakah elemenelemen yang mendasari gaya pengolahan pengarang dalam mengajukan idea berkaitan etnosentrisme ini? Justeru, data-data yang terdapat dalam syair perang yang merakamkan peristiwa peperangan antara etnik peribumi dengan kolonial penjajah dianalisis bagi merungkai permasalahan ini.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Suatu perkara yang menarik yang dapat diteliti berdasarkan syairsyair perang ini ialah gaya pengolahan pengarangnya dalam menterjemahkan emosi dan perasaan sama ada dirinya sendiri mahu pun etnik/masyarakat yang diwakilinya, khusus apabila mereka melalui detik-detik yang sukar berhadapan dengan kolonial penjajah. Pengalaman sukar yang dilalui itu akhirnya telah membangkitkan etnosentrisme, yang secara tidak langsung menunjukkan falsafah yang menjadi landasan kepada pemikiran dan tindak-tanduk mereka. Hal inilah yang terserlah lewat karya mereka. Sebahagian besar isian syair-syair perang menunjukkan bagaimana pengarangnya mengajukan rasa etnosentrisme berteraskan elemenelemen tertentu, yang sudah pastilah menggambarkan pemikiran dan cara hidup mereka. Antaranya ialah perkara yang berkaitan dengan maruah, semangat cintakan tanah air, taat setia kepada raja/pemerintah, patriotisme dan pegangan agama, yang akan dibincangkan selanjutnya satu persatu.

## Mempertahankan Maruah

Persoalan maruah bersangkutan paut dengan harga diri dan kedaulatan sesuatu suku kaum atau etnik. Memelihara serta mempertahankan maruah adalah suatu fitrah yang hadir dalam setiap etnik di dunia, yang seterusnya menjelaskan pula tentang mengapa wujudnya perasaan “bangga etnik” atau “bangga suku kaum” (Zubir Idris, 2013 :15). Kegagalan mempertahankan maruah akan memalukan atau mendatangkan aib serta memberi impak yang bukan kepalang besarnya ke atas identiti dan harga diri sesuatu suku kaum atau etnik. Hal ini menjelaskan mengapa orang Melayu zaman dahulu begitu kuat memelihara nama baik dan maruah diri, keluarga dan nama baik kaum dan masyarakatnya. Dalam konteks yang lebih besar, menjelaskan betapa rakyat sanggup menggadaikan jiwa dan raga demi menjaga kedaulatan raja dan negaranya.

Kepengarangan pengarang menyalurkan rasa etnosentrisme dapat dilihat dalam Syair Perang Mengkasar yang menggambarkan bagaimana kekentalan jiwa dalam diri pahlawan Makasar yang sedia berperang menghadapi musuh demi maruah Sultan dan negara mereka. Kenyataan ini dapat dikesan daripada sikap pahlawan Makasar yang tidak mahu ketinggalan mengambil bahagian dalam peperangan bagi memerangi musuh. Malah, mereka yang tidak berani menyertai peperangan tersebut akan dianggap ‘bacul’. Hal ini dinukilkan pengarang dalam rangkap syair berikut:

Keraeng Pandjalingang radja yang bidjak Melompat  
mentjabut keris pandak Djikalau undur patik nin kelak  
Kepada perempuan suruh tempelak. (r.51)

Rangkap syair tersebut memperlihatkan darjah kesiapsiagaan pahlawan Makasar menyahut cabaran untuk berhadapan musuh bagi mempertahankan tanah airnya. Komitmen bagi memelihara maruah ini diperikan melalui semacam bentuk sindiran dan cabaran kepada sesiapa yang tidak

berkeinginan melakukannya. Dalam hal ini, wanita dikemukakan sebagai `penempelak' kepada mereka yang tidak mempunyai keazaman tersebut. Penggunaan "perempuan sebagai penempelak" ini signifikan kerana seperti yang diketahui umum, perempuan lumrah dirujuk sebagai `kaum yang lemah.' Justeru, apabila "kaum yang lemah" ini dikerah untuk menempelak pahlawan, maka ini bererti "kekuatan" pahlawan tersebut dinilai di bawah kekuatan perempuan yang memang sedia diakui sebagai kaum yang lemah. Hal ini menggariskan dengan jelas betapa aibnya sifat mengundur atau meninggalkan medan perang. Tegasnya, para pahlawan digesa agar jangan menjatuh atau menurunkan maruah dan harga dirinya lebih rendah daripada perempuan (menjadi bacul).

Pengarang turut memberikan penekanan kesanggupan menggadaikan nyawa atau berkorban jiwa raga dalam kalangan pahlawan Makasar demi maruah bangsa dan negara, dalam kancah konsep maruah. Rangkap syair berikut menggambarkan perkara ini:

Bertjakap pula Keraeng Djaranika Merah padam  
warnanja muka Welanda Bugis andjing tjelaka  
Haramlah aku memalingkan muka. (r.50)

Sikap kepahlawanan yang ditunjukkan oleh Keraeng Djaranika dapat dilihat daripada respons beliau yang melafazkan ikrar "Haramlah aku memalingkan muka" yang ditujukan kepada pihak musuh. Keseriusan watak ini diperhebatkan oleh pengarang apabila kemarahannya itu diseirinkan dengan ekspresi mukanya yang "merah padam" lantaran mendidihnya perasaan benci dan marah terhadap seterunya. Tidak setakat itu sahaja, kalimatkalimat yang kesat dan nista seperti "Welanda Bugis andjing tjelaka" yang dilontarkan oleh pahlawan Makasar ini menunjukkan kemuncak kepada mendalamnya etnosentris pahlawan Makasar. Lafaz ikrar "Haramlah aku memalingkan muka" seperti yang diungkapkan oleh beliau mengetengahkan betapa pahlawan Makasar meletakkan maruah sebagai perkara yang amat

penting dan serius dalam konsep kehidupan mereka; menggariskan betapa persoalan maruah adalah sesuatu yang berat, tidak boleh dipandang ringan, dan tidak sekali-kali boleh dibenarkan sesiapa sahaja untuk menginjak-injaknya. Pengertian-pengertian di atas seperti “merah padam”, “anjing tjelaka” dan “haram memalingkan muka”, secara tersurat dan tersiratnya adalah merupakan isian bagi konsep maruah.

Kesedaran pengarang terhadap persoalan maruah serta kebenciannya terhadap golongan penjajah dapat dilihat berdasarkan pemilihan perkataan-perkataan yang digunakan olehnya dalam mengangkat isu etnosentrisme tersebut. Berhubung hal ini, Skinner (1963: 10), yang berpandu kepada ‘religious antagonism’, melihat subjektiviti persendirian pengarang syair, Entjik Amin (kerana latar pendidikan Islam) membuat tulisannya cenderung bercorak menentang Belanda. Menurut beliau:

*The war thus tends to be seen in terms of a black and white contrast between Right (‘our side’) and Wrong (the enemy), which accounts for the note of anathema that often creeps into his description of the VOC and its allies. Such terms as Welanda sjaitan, si la’nat Allah, Amiral kutuk kafir jang bachil, Welanda iblis, Kapitan murtad, Welanda kuffar, Welanda kafir jang bain, which are the rule rather than the exception, obviously imply a definite religious antagonism.*

(Skinner, 1963: 10),

Pengarang Syair Peperangan Aceh turut mengajukan persoalan maruah bilamana beliau menyuguhkan betapa tuntutan mempertahankan maruah menjalar dalam setiap individu etnik Aceh tanpa mengira perbezaan usia. Hal ini diperikan melalui watak seorang kanak-kanak dengan berani telah menyuarakan hasratnya untuk sama-sama menyertai pasukan tentera Aceh

memerangi pihak musuh Belanda, seperti yang dinyatakan rangkap-rangkap syair berikut:

Seorang budak berdatang sembah “Ampun tuanku duli khalifah Beribu-ribu lebihnya patik mohonlah Melawan Belanda haramnya zadah.” (r.158)

Menteri hulubalang berdatang pulak Sambil berkata, “Ayuhai kanak-kanak, Engkau ini terlalulah budak Bolehkah melawan Belanda bertetak?” (r.159)

Budak berkata berperi-peri “Ampun Datuk Perdana Menteri Bukan dipandang besar dan tinggi Daripada hati juga berani.” (r. 160)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair di atas, terserlah kesungguhan kanak-kanak tersebut yang ingin menyertai pasukan tentera Aceh memerangi Belanda. Perasaan bencinya yang meluapluap terhadap pihak musuh diungkapkan dengan kata yang kesat yakni ‘Belanda haram zadah’. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, teknik atau cara pengungkapan yang sama juga dimanfaatkan untuk memperlihatkan perasaan etnosentris yang mendalam, apatah lagi apabila ia sesuatu yang berkait dengan maruah. Melalui penggunaan kata-kata kesat tersebut, jelas musuh telah diletakkan dalam keadaan yang sangat hina. Ini kerana pewajaran yang sama juga beroperasi di sini yakni musuh perlu diaibkan sebagai kontra kepada kehebatan etnik sendiri. Strategi ini jelas dirasakan berkesan lantas ia digunakan dengan lumrah dalam situasi yang diperkatakan ini.

Melalui watak kanak-kanak tersebut, diperlihatkan bahawa sikap bertanggungjawab memelihara maruah negara digalas setiap individu tanpa mengira lapisan umur. Hal ini dipaparkan apabila kanak-kanak tersebut dengan penuh yakin dan berani menyahut cabaran serta memadamkan keraguan menteri hulubalang akan kemampuannya berperang (“Engkau ini terlalulah budak ... bolehkah melawan Belanda bertetak?”) memandangkan ia masih

lagi 'budak'. Pemilikan 'hati dan jiwa yang besar' dalam diri kanakkanak tersebut yang dicerminkan melalui frasa-frasa "Bukan dipandang besar dan tinggi ... daripada hati juga berani" menggambarkan bahawa individu dalam kalangan etnik Aceh akan tampil ke hadapan untuk berjuang mempertahankan maruah tanah air mereka. Dalam konteks gugusan makna-makna inilah soal pentingnya mempertahankan maruah ditangani oleh pengarang. Secara tidak langsung, pengarang syair dalam hal ini menggambarkan tentang etnosentrisme yang menebal dalam etnik Aceh. Semangat Cintakan Tanah Air

Kepengarangan pengarang dalam mengangkat etnosentrisme etnik yang diwakili oleh mereka dapat dilihat daripada pengajuan semangat cintakan tanah air. Gambaran perasaan dan semangat cintakan tanah air dalam Syair Perang Mengkasar diperlihatkan dalam pelbagai cara, sama ada yang berbentuk fizikal (melalui tindakan atau pun lisan) mahu pun dalam bentuk yang lebih halus sifatnya. Berdasarkan aspek fizikal, luapan perasaan cinta ini seringkali dinyatakan apabila seseorang individu atau kelompok itu berada dalam situasi berhadapan dengan musuh. Contohnya dapat dilihat dalam satu peristiwa apabila pihak musuh Belanda yang dibantu oleh Arung Palakka (Tunderu') hampir-hampir menawan Makasar dalam satu siri peperangan yang berlaku di Buton. Keraeng Bonto Maranu yang memimpin angkatan Makasar pada waktu itu berjaya dipujuk oleh Belanda untuk menyerah diri dan bersekongkol dengan mereka. Hal ini dirakamkan dalam bait-bait syair berikut:

Dipudjuk Amiral kafir jang durhaka Keraeng Bonto  
Maranu hatinja suka Lupalah ia akan siksa naraka  
Daripada bebalnja maka ia tjelaka. (r.112)

Dalam rangkap syair tersebut, diperlihatkan bagaimana Keraeng Bonto Maranu, seorang pemimpin tentera Makasar telah diperdaya oleh Belanda agar berpihak kepada mereka. Pengarang dalam hal ini telah memerikan akibat kekebalan beliau ini, maka

kecelakaan akan menyimpannya. Pengarang juga telah melabelkannya sebagai orang yang telah membelakangkan hukumhakam agama “Lupalah ia akan siksa naraka” dan kelak akan menerima seksa naraka akibat perbuatannya itu. Sungguhpun begitu, tidak semua pahlawan Makasar yang berada di bawah kepemimpinan beliau (Keraeng Bonto Maranu) akur kepada pujukan oleh Belanda tersebut. Syair ini merakamkan bilamana terdapat seorang pahlawan Makasar (etnik Mandar) yang menyatakan betapa mereka sama sekali tidak akan menyerah kalah kepada Belanda, apatah lagi mahu bersekongkol dengan pihak musuh. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Mara'dia itu tiada menurut kata Masuk menutup pintu  
kota Bugis kutuk Welanda jang dusta Patutlah lawan  
kepada kita. (r.113)

Setelah habis sekalian sendjata Mandar ta' mau  
menurut kata Mana kehendaknja Welanda jang dusta  
Barang hukumnja adalah kita. (r.116)

Frasa “Bugis kutuk Welanda jang dusta ... patutlah lawan kepada kita” dalam rangkap-rangkap syair di atas jelas menunjukkan sikap Mara'dia yang enggan bersekongkol dengan Keraeng Bonto Maranu untuk menyerahkan diri kepada Belanda sebaliknya bersedia untuk berhadapan dengan segala kemungkinan bagi menghadapi pihak musuh.. “Mana kehendaknja Welanda jang dusta..barang hukumnja adalah kita.” Pengarang dalam hal ini menggambarkan betapa mendalamnya rasa cintakan tanah air dalam diri beliau (Mara'dia) meskipun diletakkan dalam keadaan yang sangat menguji kesetiaan mereka. Secara halusny, pengarang memperlihatkan rasa cinta terhadap tanah air dalam kalangan pahlawan Makasar dengan cara menempelak terhadap golongan yang berpaling tadah, belot dan bersekongkol dengan pihak musuh. Selain itu, gambaran rasa cinta kepada tanah air turut dinyatakan melalui sanjungan dan penghargaan

rakyat Makasar terhadap kerukunan hidup yang sentosa, yang telah mereka kecapai. Pengarang dalam hal ini dikesan mengekspresikan luahan rasa etnosentris yang tinggi rakyat Makasar terhadap negara mereka di bawah pimpinan sultan (Sultan Hasanudin) yang mereka sanjungi. Dengan berada di bawah pimpinan sultan yang berwibawa “Seperti embun jang amat sedjuk”, rasa aman, selamat dan tenteram dapat dinikmati oleh segala lapisan masyarakat “Tjahajanja limpah pada segala machluk.” Kata perbandingan ‘embun’ yang digunakan pengarang dalam hal ini menyerlahkan sifat-sifat yang dimiliki sultan, yakni sifat yang menyenangkan sebagaimana sifat embun itu sendiri yang dianggap suci, jernih dan mendamaikan hati. Hal ini dinyatakan dalam rangkap-rangkap syair di bawah:

Sultan di Goa radja jang sabar Berbuat ‘ibadat terlalu gemar Mendjauhi nahi mendekatkan amar Kepada pendeta baginda beradjar. (r.20)

Bagindalah radja jang amat elok Seraksi dengan adinda di Telo’ Seperti embun jang amat sedjuk Tjahajanja limpah pada segala machluk. (r.21)

Kekal ikrar apalah tuanku Seperti air zamzam di dalam sangku Barang kehendak sekalian berlaku Tenteranja banjak bersuku-suku. (r.24)

Berdasarkan gambaran sikap dan peribadi yang diberikan kepada pemimpin mereka yang dikatakan “Berbuat ‘ibadat terlalu gemar...mendjauhi nahi mendekatkan amar”, tidaklah menghairankan apabila terdapat pelbagai suku kaum yang tumpang bernaung di bawah pemerintahannya. Hal ini dinyatakan oleh pengarang apabila dikatakan terdapat pelbagai bangsa yang menyumbangkan tenaga dalam keperluan ketenteraan Makasar. Melalui frasa “tenteranja banjak bersuku-suku” dapat dilihat bagaimana kewibawaan Sultan Makasar berjaya memikat hati pelbagai etnik untuk mencurahkan bakti bagi mempertahankan

tanah air tempat mereka bernaung tersebut. Hal ini secara halus menggambarkan akan kebesaran Sultan Makasar, yang secara tersiratnya mengangkat juga etnosentris etnik Makasar. Kecenderungan menyalurkan perasaan semangat cintakan tanah air ini turut dinyatakan pengarang Syair Peperangan Aceh. Dalam satu peristiwa, apabila Sultan Aceh (Sultan Iskandar) bermimpi bahawa negerinya akan ditimpa bala, maka baginda menyeru kepada rakyatnya berjanji agar tidak belot kepada negara dan mereka semua dikehendaki meminum air dari sebuah kolam yang telah diletakkan Al-Qur'an di dalamnya. Hal ini dinyatakan oleh pengarang dalam rangkap berikut:

Lalu bersabda duli Syah Alam “Di mana rakyat luar dan dalam Jikalau engkau sungguh Islam Minumlah segera air kolam.” (r.52)

“Jangan tak mahu semua orang Negeri ini bala Allah apa datang Ini negeri tentu berperang Janganlah belot barang seorang.” (r.53)

Berdasarkan rangkap 53 syair, seruan sultan terhadap rakyat Aceh “Janganlah belot barang seorang” menunjukkan betapa setiap individu mesti bertanggungjawab memelihara kedaulatan negara demi menunjukkan rasa cinta mereka terhadap tanah air. Malah, seruan yang diajukan oleh Sultan Iskandar ke atas rakyat Aceh diperkukuhkan lagi dengan cabaran agar setiap dari kalangan mereka membuktikan keIslaman masing-masing “Jikalau engkau sungguh Islam...minumlah segera air kolam” agar setiap daripada mereka bulat kesetiannya terhadap negara dan seterusnya tidak berpaling tadah. Ini adalah kerana ajaran agama Islam mengkehendaki setiap penganutnya berjuang membela dan mempertahankan maruah diri, bangsa dan negara apabila menerima ancaman. Dalam Syair Perang Menteng pula, semangat etnosentrisme dalam kalangan pahlawan Palembang diserlahkan dengan paparan sikap mereka yang kasih dan cintakan tanah air. Hal ini dinyatakan oleh pengarang syair apabila timbul rasa resah

dan sengsara dalam kalangan mereka setelah tanah air mereka dicerobohi musuh. Hal ini dibayangkan lewat rangkap-rangkap syair berikut:

Dilihat orang di atas kota Holanda banyak berbaris rata  
Disembahkan orang ke bawah takhta Keluarlah  
Baginda Seri Makota. (r.4)

Sembahnya Tuanku apa bicara Menteng menyeberang  
mengatur tentera Banyaknya tidak lagi terkira Patik  
sekalian sangat sengsara. (r.5)

Jika dititahkan sekarang ini Patik langgarlah ra'yat  
Kompeni Dengan kurnia Allah subhani Laskar Menteng  
habislah fani. (r.6)

Rangkap-rangkap syair di atas merujuk kepada peristiwa bilamana tentera Belanda yang diketuai oleh Jeneral Muntinghe (Idelir Menteng) dengan Kolonel Baker (Kornel Bakar) sebagai panglima perang telah mendarat di Palembang. Sehubungan itu, rakyat Palembang yang mengadap Baginda Seri Mahkota (Raja Palembang) masing-masing menyatakan kesediaan mereka untuk memerangi musuh "...patik langgarlah ra'yat Kompeni", malah hanya menunggu titah daripada raja mereka untuk bertindak. Hal ini adalah kerana timbulnya rasa sengsara di hati mereka apabila melihatkan kehadiran pihak musuh tersebut. Rasa sengsara yang dialami oleh rakyat Palembang ini sebenarnya menggambarkan perasaan cinta mereka terhadap tanah air, justeru mereka bersedia sepenuh hati untuk mempertahankannya. Berdasarkan beberapa contoh dan huraian yang telah diberikan, dapatlah dikatakan betapa elemen perasaan cintakan tanah air mampu malah dalam ertikata yang sebenarnya, tidak dapat dipisahkan bagi merangsang pembinaan etnosentrisme dalam setiap individu mahu pun kelompok etnik atau suku kaum. Etnosentrisme tersebut pula dimanifestasikan dalam pelbagai cara untuk menyampaikan mesej bahawa tiada apa yang dapat

menandingi rasa kasih mereka terhadap negeri masing-masing, kerana tanggapan setiap etnik (dalam kes ini merujuk kepada etnik-etnik di Nusantara) sentiasa meletakkan peradaban dan kebudayaan mereka melebihi peradaban lainnya. Hal ini sejajar dengan apa yang telah digarispandukan oleh Sumner (1911:13) bahawa etnosentrisme merujuk kepada "... technical name for this view of things in which one's own group is the center of everything, and all others are scaled and rated with reference to it..." yang jelas menghuraikan bahawa sesuatu pandangan atau penilaian bahawa sesuatu kelompok itu merupakan pusat segalanya dan menjadi titik rujukan kepada pandangan dan idea-idea orang lain. Dan setiap aspek yang tidak sama atau berbeza akan dianggap sebagai suatu kelemahan.

#### Setia Kepada Raja/Pemerintah

Kepengarangan pengarang syair perang dalam mengajukan etnosentrisme masyarakat Melayu turut berkait dengan kepercayaan masyarakat Melayu yang berteraskan bahawa pemimpin mempunyai daulat dan itulah yang menuntut mereka meletakkan taat setia yang tidak berbelah bahagi. Beberapa konsep seperti 'waadat', 'pantang derhaka' dan 'daulat' menjadi asas yang kukuh dalam menghubungkan-eratkan hubungan antara kedua-dua golongan ini. Komitmen yang tinggi terhadap ikatan taat setia ini seterusnya dapat merungkaikan akan segala tindak-tanduk masyarakat Melayu apabila menghadapi ancaman dari luar. Kepercayaan yang teguh dalam masyarakat Melayu terhadap institusi raja yang diterima sebagai 'bayangan Tuhan di muka bumi' dan dianggap berdaulat telah meninggalkan kesan yang luar biasa dalam setiap diri rakyat dan pahlawan Makasar. Hal ini distrukturkan oleh pengarang Syair Perang Mengkasar apabila memperkatakan bagaimana 'daulat' dan 'kebesaran' raja yang mereka junjungi seolah-olah membekalkan semangat yang luar biasa malah dapat memotivasikan mereka untuk berjuang. Teks memperkatakannya seperti yang berikut:

Beratus-ratus hulubalang jang pahlawan Di bawah duli radja bangsawan Berkat daulat jang dipertuan Sekalian bertjakap hendak melawan. (r.65)

Daeng mengadap ke bawah duli Tuanku didjemput kakanda kembali Berkat keramat baginda duli Melawan musuh kuat sekali. (r.187)

Kalimat-kalimat seperti “Berkat daulat jang dipertuan...sekalian bertjakap hendak melawan” dan “Berkat keramat baginda duli...melawan musuh kuat sekali” dalam rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan bagaimana ‘berkat daulat’ dan ‘berkat keramat’ yang diperolehi daripada raja mereka (Jang dipertuan) telah dapat merangsang semangat pahlawan Makasar yang masing-masing beriltizam memerangi pihak musuh. Berhubung hal ini, Koster (1997: 106) mengatakan, “the daulat of the ruler motivates his vassals to go into battle and fight for him.” Menurutny lagi, selain daripada penulisan syair ini (Syair Perang Mengkasar) yang bertemakan tentang pemerintah yang berdaulat (relevance of the Royal Power of the ruler), ia juga memperlihatkan bagaimana daulat seorang raja turut dapat menyuntik semangat askar-askarnya berperang. Koster mengatakan:

*And in the course of the narrative not only the courage and royal conduct of the ruler but also the willingness of his vassals to pledge to do battle for him, their fighting spirit in battle, as well as sorts of favourable turns of events, are attributed to the inspiring influence of the ruler*

Dalam Syair Peperangan Aceh pula, kesetiaan dan kesepakatan rakyat Aceh kepada sultannya dapat dilihat apabila seluruh rakyat Aceh diminta untuk meminum air dari sebuah kolam yang telah dimasukkan Al-Qur’an di dalamnya, agar rakyat Aceh sentiasa taat setia dan tidak belot dalam peperangan yang

akan dihadapi oleh Aceh menentang pihak musuh, yakni Belanda. Peristiwa ini berlaku apabila Sultan Aceh yang digambarkan sebagai seorang yang warak dan sentiasa beribadat kepada Allah swt telah mendapat firasat dari seorang aulia melalui mimpinya, bahawa ada menterinya yang telah belot dan meletakkan negeri pimpinannya dalam ancaman yang teramat besar. Kesetiaan rakyat Aceh terhadap sultannya ini dinukilkan oleh pengarang seperti yang terdapat dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Lalu bersabda duli Syah Alam “Di mana rakyat luar dan dalam Jikalau engkau sungguh Islam Minumlah segera air kolam.” (r.52)

Telah didengar Yang Dipertuan Minum semua betina jantan Minum itu di jari jadi rebutan Ada yang di mangkuk ada yang di pinggan. (r.54)

Orang pun minum berebut-rebut Habis basah misai dan janggut Titah Sultan baik diikuti Supaya berperang jangan dibelot. (r.55)

Petikan daripada rangkap-rangkap syair di atas membayangkan betapa rakyat Aceh sanggup bersumpah demi menunjukkan kesetiaan kepada raja mereka. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa frasa dalam syair seperti “Minum semua betina jantan”, “Titah Sultan baik diikuti...supaya berperang jangan dibelot”. Kesediaan rakyat dalam mentaati arahan raja ini menunjukkan betapa signifikan dan istimewanya hubungan antara raja dan rakyat. Perihal taat setia rakyat kepada raja ini turut diajukan dalam Syair Perang Menteng. Kesetiaan rakyat Palembang terhadap pemimpinnya dinukilkan oleh pengarang menerusi sikap rakyat yang bersedia menjunjung perintah Sultannya (Baginda Seri Mahkota) di saat-saat ketibaan musuh mereka iaitu Belanda yang diketuai oleh Jeneral Muntinghe (Menteng). Rangkap-rangkap syair yang berikut merakamkan akan

hal ini: Jika dititahkan sekarang ini Patik langgarlah ra'yat Kompen Dengan Kurnia Allah Subhani Laskar Menteng habislah fani. (r.6)

Titah Paduka Duli Yang Mulia Kumpulkan ra'yat suruhlah sedia Dengan kurnia Tuhan Yang Kaya Kapal Menteng kita perdaya. (r.7)

Berkumpullah haji tua dan muda Mengadap Duli tunduk tengadah Bermohon kepada Duli Baginda Hendak mengamuk ra'yat Holanda. (r.8)

Semuanya haji mengeluarkan cakap Menyembah Baginda tunduk merakap Dengan senjata semuanya sikap Ada yang menyembah duduk sendakap. (r.9) Rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan betapa rakyat Palembang tanpa mengira tua dan muda kesemuanya menyatakan kesediaan mereka untuk berhadapan dengan pihak musuh "Hendak mengamuk ra'yat Holanda." Kesetiaan yang ditunjukkan kepada sultan oleh rakyat Palembang dapat dilihat dalam frasa "semuanya haji mengeluarkan cakap ... menyembah baginda tunduk merakap" , mengharap daulat dan restu untuk memerangi pihak musuh.

Berdasarkan contoh-contoh yang telah diberikan, dapatlah dikatakan bahawa tindakan yang diperlihatkan oleh rakyat yang bersedia untuk berjuang ini bukan sahaja disebabkan untuk mempertahankan tanah air malah juga untuk melindungi raja mereka. Atas kepercayaan terhadap kedaulatan raja yang telah tersebati dalam pemikiran masyarakat Melayu ini, tidaklah menghairankan apabila Sultan Makasar, Aceh dan Palembang mendapat sokongan yang padu daripada rakyatnya. Hal ini sesungguhnya menjelaskan betapa semangat etnosentrisme dalam kalangan masyarakat Melayu turut dibangunkan oleh rasa taat kepada pemimpin.

## Bersemangat Patriotisme

Persoalan berkaitan semangat patriotisme yang dijelmakan oleh pengarang-pengarang Melayu lewat karya mereka menunjukkan betapa perkara ini menjadi aspek yang penting dalam masyarakat Melayu. Etnosentrisme Melayu distrukturkan melalui bait-bait syair untuk mengisahkan bagaimana pahlawan peribumi yang sanggup berjuang demi mempertahankan hak dan tanah air mereka daripada jatuh ke tangan penjajah. Dalam Syair Perang Mengkasar digambarkan tentang sikap berani dan azam yang tinggi dalam kalangan pahlawan Makasar dalam menghadapi tentera musuh. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Keraeng Bonto Madjanang saudara sultan Sikapnja  
seperti harimau djantan Barang ke mana patik  
dititahkan Welanda dan Bugis sadja kulawan. (r.49)

Keraeng Balo' radja jang muda Bertjakap di hadapan  
paduka kakanda Djikalau sekadar Bugis dan Welanda  
Barang dititahkan patiklah ada. (r.53)

Daeng ri Boko Sahbandar jang tua Bertjakap di  
hadapan Sultan kedua Djikalau lagi hajatnja djiwa  
Sedzarrapun tidak mau ketjewa. (r.60)

Rangkap-rangkap syair tersebut memperlihatkan tentang sikap dan semangat patriotisme dalam kalangan pahlawan Makasar. Hal ini diteliti melalui semangat juang yang tinggi apabila mereka masing-masing menyatakan ikrar dan iltizam, memberi pengakuan akan memerangi musuh demi rasa cinta dan tanggungjawab terhadap raja dan juga tanah air. Penggunaan frasa perkataan seperti "Barang ke mana patik dititahkan...Welanda dan Bugis sadja kulawan", "Djikalau sekadar Bugis dan Welanda...barang dititahkan patiklah ada", "Djikalau lagi hajatnja djiwa...sedzarrapun tidak mau ketjewa" oleh pengarang jelas menunjukkan rasa keterikatan dan komitmen yang tinggi

serta rasa tanggungjawab yang tidak berbelah bahagi dalam kalangan pahlawan Makasar memerangi pihak musuh Belanda, yang turut dibantu oleh Bugis dan Buton. Begitu juga halnya dalam Syair Peperangan Aceh. Teks mengkonkritkan bagaimana semangat perang tentera Aceh begitu membara dalam menentang Belanda yang datang mencero boh. Hal ini diperikan dalam rangkap-rangkap syair di bawah:

Orang Aceh masuk mengamuk Kepada segala Belanda yang mabuk Ada yang menikam ada yang menumbuk Dikeratnya kepala Belanda kutuk. (r.118)

Orang Aceh sebagai meluru Walaupun Belanda berapanya ribu Sedikit tak gentar rupanya laku Kafir keparat segeraldah palu. (r.126) Seperti Syair Perang Mengkasar dan Syair Peperangan Aceh, Syair Perang Menteng turut mengajukan keberanian pejuangpejuang Palembang menentang Belanda. Syair ini memerikannya seperti yang berikut:

Jika dititahkan sekarang ini Patik langgarlah ra'yat Kompeni Dengan kurnia Allah subhani Laskar Menteng habislah fani. (r.6) Haji mengikut berlari-lari Di dalam baris menyerbukan diri Memarangkan pedang kanan dan kiri Serdadu Holanda habislah lari. (r.14)

Berdasarkan rangkap-rangkap di atas, dapat dilihat bagaimana rasa etnosentris yang menebal terhadap tanah air diterjemahkan melalui semangat juang tinggi dalam kalangan pahlawan Palembang. Frasa "Jika dititahkan sekarang ini...patik langgarlah ra'yat Kompeni" dalam rangkap syair tersebut membayangkan betapa rakyat Palembang memiliki semangat yang bersungguh-sungguh untuk melawan pihak musuh, malah hanya menunggu masa sahaja untuk diarahkan berbuat demikian. Keberanian para pejuang Palembang berhadapan pihak musuh memuncak apabila dikatakan mereka sampai ke tahap

‘menyerbukkan diri’. Hal ini dapat dilihat daripada sikap ‘haji’ yang bertindak tanpa teragak-agak membanteras pihak musuh dengan memarangkan pedangnya kanan dan kiri. Tindakannya ini telah menimbulkan kegerunan kepada pihak musuh dan akhirnya “Serdadu Belanda habislah lari.”

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, jelaslah dapat dilihat betapa pahlawan-pahlawan peribumi di rantau Nusantara memiliki semangat patriotisme yang tinggi dalam usaha mempertahankan kemerdekaan tanah air. Ketidaktergantaran mereka untuk berhadapan dengan pihak musuh yang jauh lebih ramai, dan dilengkapi pula dengan peralatan senjata yang jauh lebih canggih sebenarnya memperlihatkan peranan pengarang bagi menyerlahkan semangat etnosentrisme Melayu.

### Mempunyai Pegangan Agama Yang Kukuh

Kecenderungan mengangkat etnosentrisme oleh pengarang juga dapat dilihat amat berpaut erat dengan agama. Pegangan yang teguh dan kepercayaan yang tinggi kepada ajaran agama ini dapat mengukuhkan, merangsang serta menyuntik semangat dan kekuatan kepada etnik-etnik yang diperkatakan untuk melakukan apa sahaja yang dikira sebagai satu tanggungjawab yang harus dipikul bersama, demi melindungi hak-hak mereka dari dicerobohi orang asing. Bersesuaian dengan kenyataan ini, konsep jihad fisabilillah (lihat Abdul Qadir Djaelani, 2001) jelas dimanfaatkan sebagai landasan kisah perjuangan atau pertempuran seperti yang diungkapkan dalam Syair Perang Mengkasar, Syair Peperangan Aceh dan Syair Perang Menteng. Dengan legitimasi agama ini, perjuangan bangsa mendapat pengukuhan yang lebih kental. Kepercayaan bahawa Allah akan memberi kemenangan dan ganjaran berlipat-lipat kali ganda kepada umatnya yang berjuang untuk mempertahankan kebenaran agama telah memberi suntikan yang amat berkesan, yang menjelaskan betapa mereka berjuang habis-habisan mempertahankan tanah air dan agama dari dicemari musuh.

Dalam Syair Perang Mengkasar, konsep jihad yang dibawa dalam Islam dimanfaatkan sepenuhnya oleh pahlawan Mengkasar apabila mereka berhadapan dengan pihak musuh. Hal ini diserlahkan oleh pengarang syair lewat rangkap-rangkap yang berikut:

Keraeng Petene radja yang bisai Baginda mengamuk  
menjusur pantai Segala djuaknja berbadju rantai  
Menempuh datang ke tepi sungai. (r.102)

Dibedil oleh Kapitan Welanda Kenalah badan dada  
baginda Satu pun tidak tjajat binasa Kebesaran Allah  
kepadanja njata. (r.103) Keraeng Petene radja jang  
'akil Segala ra'jat disuruhnja tampil Tidaklah baginda  
gentarkan bedil Niatnja sangat hendakkan sabil.  
(r.104)

Ternyata, penggunaan perkataan “sabil” dalam rangkap 104 itu menawarkan semacam “jalan pintas” untuk membentuk satu konsep perjuangan yang jitu dan mampat. Apa yang jelas, perkataan “sabil” tersebut memungkinkan pengarang mensejajarkan, atau lebih tepat lagi, mensinonimkan perjuangan tanah air dengan perjuangan mempertahankan agama. Ini diperkukuhkan dengan rujukan terbuka kepada “kebesaran Allah” yang diperakukan adalah “njata”. Seterusnya, melalui komponen watak, iaitu watak Keraeng Petene, syair telah mengkonkritkan semangat waja konsep jihad tersebut. Melalui teks syair ini (rangkap 104), dinyatakan hasrat pahlawan Makasar – Keraeng Peterne “raja yang bisai” dan disanjunginya rakyatnya ini, mengidamkan ganjaran jihad fisabilillah. Justeru, bertolak daripada keyakinan ini, yang sekaligus memberinya tekad yang kukuh dan tidak berbelah bahagi kepada agama, beliau telah berjuang habis habisan mempertahankan agama dan tanah airnya dari dicerobohi musuh. Hal ini diperkukuhkan dengan gambaran keberaniannya yang tidak mengenal gentar atau lelah, dan akhirnya terserlah melalui perkataan “mengamuk” untuk menggambarkan darjah

kedahsyatan pertarungannya. Hal yang sama turut dinukilkan oleh pengarang dalam Syair Peperangan Aceh. Teks mengkonkritkan betapa kewajiban untuk memerangi musuh Allah sangat mengakar dengan kukuhnya dalam kalangan etnik Aceh. Teks memperlihatkan pemimpin Aceh yakni khalifah pada waktu itu menyeru secara terang-terangan kepada rakyatnya agar berjihad untuk memerangi musuh Belanda, yang datang untuk mencero boh Aceh, seperti rangkap-rangkap syair berikut: Dengan manis bertitah khalifah Kepada menteri memberi titah Pergilah berperang sabilillah Dapatlah pahala syurga jannah. (r.102)

Telah didengar Pendekarnya kiri Sukanya tidak lagi terperi “Ampun tuanku Mahkota Negeri Pahala inilah yang patik cari.” (r.104)

Berdasarkan rangkap di atas, gesaan oleh khalifah tersebut dibuat bilamana Aceh menghadapi ancaman dari serangan Belanda, yang ketika itu datang untuk menuntut Aceh sebagaimana yang dijanjikan oleh Menteri Rampang. Teks memperlihatkan bahawa komitmen para pejuang Aceh terhadap agama sangat kental dan kukuh. Ini dapat dilihat apabila seruan dan cabaran yang diamanahkan oleh khalifah itu disambut dengan dada terbuka dan semangat yang berkobar-kobar. Semangat ini diperkuatkan dan dapat bertahan secara berterusan oleh kerana ia dipersepsikan sebagai fi sabilillah, sama seperti yang dilihat dalam Syair Perang Makasar. Ini jelas dapat dilihat pada kenyataan terbuka “pergilah berperang sabilillah”. Seajar dengan itu ialah janji ganjaran “pahala syurga jannah”, dan sambutan “pahala inilah yang patik cari”. Ini menunjukkan bahawa hakikat perang tersebut itu adalah fi sabillah dimaklumi oleh sultan dan rakyat jelata, dan tidak adanya percanggahan dalam pemahaman ini dalam kalangan masyarakat Aceh. Dan atas dasar inilah mereka bertarung. Justeru, semangat yang diperlihatkan oleh Pendekar Kiri tersebut sebenarnya menggariskan dengan jelas kepercayaan kepada Allah dan janjiNya iaitu Ia akan memberi kemenangan dan ganjaran

berlipat-lipat kali ganda kepada umatnya yang berjuang untuk mempertahankan kebenaran agama. Kepercayaan inilah yang turut menyuntik keberanian dan kekuatan yang luar biasa apabila mereka bertempur.

Syair Perang Menteng turut menegaskan betapa perjuangan yang dilakukan atas nama jihad begitu berkesan dalam membangkitkan rasa etnosentrisme dalam kalangan pejuang Palembang apabila berhadapan pihak musuh. Rangkap-rangkap syair berikut, misalnya, dengan jelas menggambarkan bagaimana terujanya perasaan dalam kalangan para pejuang Palembang untuk berhadapan pihak musuh:

Pangeran membaca do'a selamat Dengan berkat segala keramat Syafa'at Nabi Sayyid al-ka'inat Rakyat Menteng hancur dan lumat. (r.75)

Jika perang sabil di laut Tidaklah lagi sangkut dan paut Roh diambil malak al-maut Lantas ke syurga bidadari maut. (r.120) Inilah pahala orang sabil Allah Segala dosa diampuni Allah Tidak berpayah tidak berlelah Ma' al-Kausar dirasailah. (121)

Seperti yang dijelaskan, syair ini juga mempersepsikan perjuangan agama dan perjuangan negara sebagai satu, dan tidak membezakan antara keduanya. Malah, bait-bait di atas mendefinisikan perang tersebut secara terang-terangan sebagai “perang sabil”, di samping menyenaraikan ganjaran bagi “orang sabil Allah”: mendapat pahala, diampuni dosa, masuk syurga dan dilayani bidadari.

Berdasarkan huraian-huraian dan contoh-contoh yang telah diberikan, dapatlah dinyatakan betapa pegangan yang kukuh terhadap agama memainkan peranan penting dalam meletakkan asas perjuangan sesuatu bangsa, yang seterusnya turut mengentalkan lagi rasa etnosentris dalam sesuatu etnik atau suku kaum itu.

## DAPATAN DAN RUMUSAN

Syair-syair perang sepertimana juga karya lain prosa historiografi yang lain sesungguhnya membawa bersama pemikiran dan falsafah pengarang yang mengarangnya. Kepengarangan pengarang diperlihatkan dalam usaha mereka mengangkat dan meletakkan etnik yang diwakilinya sebagai etnik yang unggul, melebihi etnik di dunia yang lainnya, yang dapat diertikan sebagai etnosentris. Beberapa elemen seperti persoalan maruah, perasaan cintakan tanah air, institusi yang akrab lagi istimewa antara raja-rakyat, semangat patriotisme yang tinggi dan pegangan teguh kepada ajaran agama yang dimiliki oleh etnik-etnik seperti yang diperkatakan dalam Syair Perang Mngkasar, Syair Peperangan Aceh dan Syair Perang Menteng adalah antara kecenderungan etnosentris yang telah diajukan oleh pengarang dalam mengembalikan wibawa masyarakat yang diwakilinya.

## RUJUKAN

- Abdul Qadir Djaelani. (2001). *Gerakan Jihad Fi Sabilillah Dan Cabarannya*. Selangor: Pustaka Dini.
- Arenawati (pnyt.). (1989). *Syair Perang Cina Di Monterado*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jelani Harun. (2003). "Sastera Sebagai Dokumen Sosial: Satu Interpretasi Terhadap Syair Peperangan Aceh" dlm. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara Ke-3 (22-25 September 2003)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koster, G.L. (1997). *Roaming Through Seductive Gardens: Readings In Malay Narrative*. Leiden: KITLV.
- Muhammad Yusof Hashim. (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Yusoff Hashim. (1980). *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Skinner, C. (1963). *Syair Perang Mengkasar* (The Rhymed Chronicle of the Macassar War) by Entjik Amin. VKI (40).
- Sumner, William Graham. (1911). *Folkways: A Study of The Sociological Importance of Usages, Manners, Customs, Mores, and Morals*. Boston: Ginn & Company Publishers.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Jabatan Kesusasteraan Melayu. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Zubir Idris. (2013). *Etnosentrisme Dalam Syair-Syair Perang Melayu Belanda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia